

# KEMISKINAN DI MALAYSIA



UHIS1022: KAJIAN LUAR



NAMA	NO Matrik	NO TELEFON
MYZA NAZIFA BINTI NAZRY	A20EC0219	010-980 2910
RADIN DAFINA BINTI RADIN ZULKARNAIN	A20EC0135	010-406 9891
NUR IZZAH MARDHIAH BINTI RASHIDI	A20EC0116	012-924 0124
AMIRAH RAIHANAH BINTI ABDUL RAHIM	A20EC0182	019-277 1545

# PENGENALAN

# PENGENALAN

- kemiskinan = situasi yang serba kekurangan dengan barang-barang keperluan hidup
- Jabatan Perangkaan Malaysia telah memperkenalkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)
- kadar kemiskinan sebanyak 7.6% (2016) | kadar kemiskinan sebanyak 5.6% (2019)
- Dr Muhammed Abdul Khalid, seorang pakar ekonomi berkata, kadar kemiskinan mutlak Malaysia akan meningkat daripada 5% hingga 17% jika seseorang individu di Malaysia hilang pendapatan yang bernilai RM 700.

# OBJEKTIF KAJIAN

# Objektif Kajian Kemiskinan Di Malaysia

## MENGANALISIS PUNCA KEMISKINAN DI MALAYSIA

Kita akan membincangkan dan menganalisis punca-punca kemiskinan di Malaysia.

## MENGANALISIS IMPAK KEMISKINAN DARI PELBAGAI PERSPEKTIF

Kita akan mengulas impak-impak berdasarkan statistik yang telah dicapai.

## MENGKAJI SOLUSI BAGI MENGURANGKAN KADAR KEMISKINAN

Kita akan membincangkan cara yang terbaik untuk membantu golongan miskin dan mengurangkan kadar kemiskinan.

# LOKASI KAJIAN

# **SELURUH MALAYSIA**

**TERMASUK SABAH DAN SARAWAK**

# KEPENTINGAN KAJIAN

- sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, kita seharusnya mengenal pasti masalah-masalah negara kita dan cuba menyelesaikan kesulitan yang timbul
- rakyat Malaysia yang lebih mudah terjatuh ke gaung kemiskinan berikutan dengan kehilangan pekerjaan atau dipotong gaji akibat pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia
- Malaysia juga mempunyai potensi untuk berkembang maju seperti negara maju yang lain



# METODOLOGI

# Metod Kajian

## **Soal Selidik Dalam Talian**

Metod yang telah kami gunakan adalah metod soal selidik dalam talian dimana kami menggunakan platform Google Form untuk menyediakan soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk kami. Satu pendekatan umum iaitu pendekatan kuantitatif juga telah kami gunakan di dalam kajian ini.

## **Soalan-soalan berkaitan Kemiskinan di Malaysia**

Contoh soalan yang ditujukan adalah berkaitan kesan, punca dan solusi berkaitan tajuk kami. Soalan ini berbentuk skala di mana responden perlu memberi pandangan mereka mengikut skala yang diberikan iaitu tidak setuju, tidak pasti dan setuju.

# **Bahagian B, C, D**

## **Bahagian Utama**


### **Soalan-soalan berkaitan sosiodemografi**

Contoh soalan-soalan yang ditujukan kepada mereka adalah umur, negeri tempat tinggal, tahap pendidikan, sektor pekerjaan dan akhir sekali kelas sosioekonomi (kumpulan pendapatan seperti B40, M40 dan T20).

# DAPATAN KAJIAN


# Punca Kemiskinan di Malaysia

Punca kemiskinan di Malaysia



Berdasarkan rajah di atas, majoriti responden bersetuju bahawa terdapat beberapa punca kemiskinan di Malaysia iaitu peningkatan migrasi penduduk luar bandar ke bandar, kemahiran pembangunan diri yang terhad, kos hidup di bandar adalah tinggi dan kekurangan bantuan terhadap orang yang tidak berkemampuan. Berdasarkan graf di atas dapat disimpulkan bahawa punca kemiskinan yang paling ketara di Malaysia ialah kos hidup di bandar yang tinggi. Ini menandakan bahawa jumlah minimum pendapatan seorang rakyat Malaysia tidak setara dengan kos sara hidup terutamanya di bandar. Oleh sebab itu, ramai rakyat Malaysia mengalami masalah kewangan.


# Impak Kemiskinan Dari Pelbagai Perspektif



Seterusnya, Rajah 1 di atas ini pula merupakan graf gabungan yang merangkumi 4 soalan berkaitan impak kemiskinan yang melanda nasib seseorang individu. Kita dapat simpulkan di sini bahawa hampir kesemua responden bersetuju bahawa kemiskinan memberi impak yang besar kepada golongan miskin seperti individu tidak dapat melangsungkan hidup dengan baik, individu terbeban dengan hutang yang banyak menyebabkan hidupnya bertambah stres, etika dan moral individu boleh terjejas kerana hidupnya yang tidak terurus dan pelbagai penyakit yang mudah didapati oleh kerana stres atau tidak makan kerana tiada duit.

# Solusi bagi Membanteras Kemiskinan (sebagai rakyat Malaysia)


Langkah yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia sebagai seorang rakyat Malaysia



Rajah di atas dirujuk, boleh disimpulkan kaedah yang paling sesuai untuk membanteras kemiskinan yang boleh dilakukan oleh rakyat Malaysia ialah berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran di mana 44 responden (85%) setuju atas kaedah ini. Oleh itu, rakyat Malaysia hendaklah menjadikan pelajaran mereka salah satu prioriti utama dalam hidup mereka supaya masyarakat yang berpengetahuan dan inovatif boleh diwujudkan dan masalah kemiskinan di Malaysia boleh dihapuskan.

# Solusi bagi Memanteras Kemiskinan (pihak sekolah)


Langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia



Berdasarkan graf di atas boleh disimpulkan langkah yang terbaik untuk dilakukan oleh pihak sekolah bagi mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia ialah memupuk dan mendidik generasi muda tentang kepentingan menabung di mana 48 responden (92%) setuju atas langkah ini. Oleh itu, pihak sekolah terutamanya guru tadika haruslah mengajar anak murid cara menabung yang betul dan menjadi inspirasi kepada anak murid supaya anak murid mengikut jejak guru untuk mengamalkan amalan menabung dalam kehidupan sehari-hari mereka.

# Solusi bagi Memanteras Kemiskinan (pihak kerajaan)

Langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia



Berdasarkan graf di atas boleh disimpulkan langkah yang terbaik untuk dilakukan oleh pihak kerajaan ialah memperbanyakkan peluang pekerjaan di mana 51 responden (98%) setuju atas langkah ini. Oleh itu, pihak kerajaan perlu melabur lebih banyak dalam meneroka pelbagai bidang terutamanya dengan landskap pekerjaan yang berubah dengan cepat dalam zaman revolusi perindustrian keempat pada masa kini supaya peluang pekerjaan yang baru boleh wujud.

# RASIONAL KAJIAN

# RASIO MONAWAL KAJIAN

MASALAH KEMISKINAN DI MALAYSIA SEMAKIN PARAH  
YANG MENYEBABKAN EKONOMI NEGARA TERJEJAS  
DAN MEROSOT

RAMAI PIHAK YANG MASIH KURANG PEKA DAN  
KURANG MEMBANTU DALAM MENANGANI MASALAH  
KEMISKINAN

MENYAHUT MATLAMAT PERTAMA DI DALAM  
MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT GOALS) IAITU SIFAR KEMISKINAN

# Permasalahan Kajian

Berikut merupakan masalah yang menyumbang kepada kemiskinan di Malaysia:


**GOLONGAN TIDAK  
BERNASIB BAIK KURANG  
MENDAPAT PERHATIAN**

**KOS SARA HIDUP YANG  
SEMAKIN MENINGKAT**

**MASIH ADA PELAPIS  
BANGSA YANG TIDAK  
BERPELUANG UNTUK  
MENDAPATKAN PENDIDIKAN**

**KEKURANGAN PELUANG  
PEKERJAAN**

**KURANG KESEDARAN  
DALAM AMALAN MENABUNG**



**KEKANGAN DALAM MELAKUKAN  
PERBINCANGAN SECARA KUMPULAN**

## **MASALAH KETIKA MELAKUKAN KAJIAN**

**TIADA VARIASI RESPONDEN**

**RESPONDEN SEDIKIT YANG TIDAK MEMUASKAN`**

**LIMITASI TERHADAP SUMBER INFORMASI**

**SUKAR UNTUK MENDAPAT BIMBINGAN DARI ORANG  
YANG LEBIH BERPENGALAMAN**

# CADANGAN

## ATASI MASALAH

Memberi lebih perhatian kepada golongan kurang berasib baik

Kerajaan perlu memastikan golongan yang layak menerima bantuan disampaikan kepada mereka

Kerajaan melawat penempatan terpencil untuk memastikan semua anak kecil mendapat pendidikan

Individu yang tidak berasib baik mestilah sentiasa berusaha untuk mengubah nasib, bukan hanya mengharapkan bantuan

Mengurangkan pengambilan buruh luar bagi membuka jalan untuk rakyat Malaysia bekerja

# Cadangan Atasi Masalah

## Ketika Kajian

1

Lebih berusaha  
dan menggnakan  
kemudahan  
"ebook"

2

Menggunakan  
aplikasi seperti  
Webex, Zoom dan  
GoogleMeet

3

Meminta pertolongan  
orang ramai untuk  
bersama  
menyebarluaskan borang  
soal selidik

# *KESIMPULAN*

## **KEMISKINAN DI MALAYSIA**

Kesimpulannya, setiap pihak haruslah memainkan peranan masing-masing dalam membanteras masalah kemiskinan di Malaysia supaya negara Malaysia boleh menjadi negara yang lebih maju dan tarikan di mata dunia.